



TI AM ONO

kepada golongan peguam tawar secara percuma

keseluruhan kes, barulah saya akan pertimbangkan untuk memberi khidmat guaman percuma atau sebaliknya,"katanya.

Srimurugan turut menjelaskan bukan niatnya untuk mengambil alih tugas YBGK yang memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman dalam kes jenayah secara percuma.

"Saya tidak mampu memberi khidmat guaman percuma kepada semua orang. Saya hormati peranan YBGK cuma sebagai manusia biasa saya tidak dapat lari daripada perasaan simpati dan ingin membantu,"katanya.

Bapa dua anak ini berkata, dia tidak mencari populariti sebaliknya puas apabila dapat menolong orang yang dalam kesusahan.

"Sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam masyarakat berbilang kaum, saya akan bantu tidak kira bangsa atau agama. Selagi terdaya, saya akan teruskan usaha ini,"katanya.

MUHAMMAD Akram dan Samantha terdorong untuk memberi khidmat guaman secara percuma demi memastikan tiada pihak dinafikan keadilan di sisi undang-undang.





Sarah Zulkifli dan Nor
Azura Abdul Jalil
am@hmetro.com.my

Biar pun pekerjaan yang dilakukan berpaksikan kepada profesionalisme dan satu cabang pendapatan, terdapat segelintir pengamal undang-undang yang melihat kerjaya mereka daripada sudut yang berlainan.

Perasaan simpati dan ingin membantu pihak yang tidak mampu mendapatkan khidmat guaman untuk membela mereka di mahkamah mendorong tiga peguam ini tampil memberikan perkhidmatan mereka secara pro bono atau percuma.

Bagi Muhammad Akram Abdul Aziz, 31, dia akan menilai latar belakang kes yang diterimanya sebelum mengambil keputusan untuk memberikan khidmat guaman percuma.

"Biasanya saya mengendalikan kes secara pro bono kerana bersimpati kepada tertuduh. Kita akan temu bual dulu tertuduh dan keluarga untuk mengetahui sebab tertuduh melakukan kesalahan.

"Biasanya saya akan lihat jenis kesalahan yang dilakukan. Ada yang mencuri kerana kesempitan hidup dan bukan kerana berniat jahat," katanya.

Menurutnya, selain kesalahan jenayah dia juga membantu memberi khidmat guaman percuma kepada pihak yang tidak berkemampuan menghadapi kes tuntutan sivil.

"Kes sivil yang pernah saya bantu membabitkan penyalahgunaan data peribadi dalam bil telefon orang lain. Bagi orang biasa, mereka tidak tahu cara untuk memulakan saman. Untuk ambil peguam pula membabitkan kos.

"Alhamdulillah kes itu selesai dan anak guam tidak perlu menanggung beban membayar bil yang bukan digunakan," katanya.

Muhammad Akram berkata walaupun firma guamannya tidak menetapkan syarat minimum atau maksimum mengendalikan kes pro bono, dia perlu mengambil kira kos perbelanjaan firma serta gaji pekerja.

"Semua itu perlu diambil kira kena pada akhirnya bidang ini adalah sumber pendapatan," katanya yang sudah tujuh tahun menceburi bidang guaman.

Ditanya mengapa dia sanggup memberikan khidmat

guaman pro bono, Muhammad Akram berkata ia adalah sumbangan kecilnya kepada masyarakat.

Sementara itu, bagi Samantha Chong Yin Xin, 31, walaupun baru tiga tahun mengendalikan kes pro bono, dirinya yang juga pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Malaya (UM) berasa puas hati setiap kali dapat membantu golongan yang tidak bersalah dan tidak berkemampuan.

Wanita kelahiran Kangar, Perlis ini berkata, dia percaya setiap orang yang dituduh di mahkamah berhak mendapat keadilan dan jika individu itu tidak diwakili, sukar untuk mencapai satu percakapan yang adil terhadap orang kena tuduh (OKT).

"Apa yang berlaku adalah OKT berkemungkinan tidak mengemukakan isu atau fakta yang relevan untuk pembelaan mereka akibat tidak memahami prinsip undang-undang dan menyebabkan mahkamah tidak dapat menimbang kes mereka secara menyeluruh.

"Terdapat juga kes yang OKT tidak diwakili peguam dan minta dibicarakan namun disebabkan gagal membayar wang jaminan, mereka ditahan reman yang lama sehingga kebanyakannya bertindak mengaku salah supaya boleh keluar dari penjara lebih awal

walaupun mereka

sebenarnya

tidak melakukan kesalahan," katanya. Bekas timbalan pendakwa raya ini berkata selain mengendalikan sendiri kes pro bono, dia juga mengambil kes dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan juga dirujuk oleh badan bukan kerajaan (NGO).

"Saya lulusan universiti tempatan dan ia menjadi tanggungjawab saya untuk memberi semula kepada negara dengan membantu masyarakat yang memerlukan bantuan khidmat guaman secara percuma," katanya.

Menurut Samantha, ketika dia belajar di UM, dia turut menyertai program Clinical Legal Education (CLE) yang mana dia sering mengunjungi penjara, Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney yang memberinya peluang berinteraksi dengan kumpulan yang terpinggir.

"Kemiskinan menyebabkan golongan tertentu mudah terdedah dengan elemen jenayah dan kumpulan inilah yang banyak terbit dalam kes jenayah," katanya.

Menurutnya, selain itu, disebabkan tiada wang untuk membayar yuran peguam yang dilantik,

BAKTI PEGUAM PRO BONO

■ Memberikan keadilan kepada yang terpinggir dorong tiga peguam khidmat perundangan secara percuma

ada OKT yang terpaksa meminjam wang dengan peminjam tanpa lesen menyebabkan keadaan menjadi bertambah teruk apabila hutang bertambah selain tekanan kos hidup yang semakin mahal.

"Melihat pada keadaan itu, ternyata ia membuka mata saya dan berhasrat akan terus mengendalikan kes pro bono," katanya.

Bagi peguam A Srimurugan, 40, yang lebih 14 tahun berkecimpung dalam bidang perundangan menggunakan pengalamannya itu membantu pihak yang tidak bernasib baik secara pro bono. Menurut

Srimurugan, selain menghadapi masalah kewangan, kebanyakan tertuduh terutamanya warganegara asing tidak memahami prosedur undang-undang Malaysia.

"Biasanya wakil beberapa NGO yang mengenali saya akan datang meminta tolong kepada mereka

kepada mereka untuk menyelesaikan kes yang diadukan kepada mereka. Selepa meneliti



SRIMURUGAN sedia bantu sesiapa jua yang memerlukan bantuan perundangan.